
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SPU303 - Pentadbiran Pembangunan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: (a) Jawab TIGA (3) dari enam (6) soalan di bawah.
(b) Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep perancangan pembangunan? Kenapakah perancangan pembangunan amat sukar dilakukan di negara-negara mundur dan membangun? Bincangkan dengan contoh.
2. Bincangkan dimensi-dimensi pergantungan birokrasi awam dalam melaksanakan dasar pembangunan. Bagaimanakah pergantungan ini mempengaruhi keberkesanan birokrasi awam dalam menjalankan peranan dan fungsinya?
3. Sejauh manakah rombakan sektor awam dapat meningkatkan prestasi pentadbiran pembangunan? Bincangkan rombakan yang telah dilakukan serta bandingkan keadaan sebelum dan selepas rombakan.
4. Kenapakah strategi-strategi pembangunan perlu dipertimbangkan semula dari semasa ke semasa? Bincangkan dengan memberikan dua (2) contoh strategi pembangunan.
5. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara mundur dan membangun untuk mencapai objektif pembangunan? Sejauh manakah badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan institusi-institusi kewangan antarabangsa dapat membantu negara-negara mundur dan membangun untuk mencapai objektif ini?
6. Bincangkan halangan-halangan pelaksanaan dan penilaian dasar-dasar pembangunan yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga. Apakah cadangan-cadangan yang dapat diketengahkan untuk menangani halangan-halangan yang telah dikenalpasti?